



ANDALUS CORPORATION PTE LTD

**KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN
PERTENGAHAN TAHUN 2005**

BUKIT BATOK, TAMPINES I & II, YISHUN, WOODLANDS PT
CHOA CHU KANG, MARSILING, JURONG WEST I & 2, ADMIRALTY

NAMA : _____

MATA PELAJARAN : **DIYANAH**

KBK : **2**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **6** muka surat.
2. Masa untuk menjawab kertas soalan ini ialah **1** jam.
3. Semua jawapan mesti dibuat dalam kertas soalan yang disediakan.
Dan pastikan segala keterangan diri anda ditulis dengan betul dan sempurna.
4. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.

KBK 2 / DIYANAH

BAHAGIAN A : (20 markah)

Pilih jawapan yang betul.

TAUHID

- 1) Manusia yang Allah jadikan dapat mendengar, jadi pasti Allah mendengar dan _____ Allah tuli.
a) mesti b) mustahil c) mungkin ()

- 2) Allah mendengar segala suara dan percakapan yang _____ .
a) kuat dan perlahan b) kuat sahaja c) perlahan sahaja ()

- 3) Manusia mendengar dengan bantuan _____ .
a) mata b) telinga c) hidung ()

- 4) Allah mendengar segala percakapan kita. Oleh itu, kita hendaklah bercakap _____ .
a) bohong b) dusta c) benar ()

- 5) Allah melihat tanpa bantuan apa-apa dan dapat melihat segala-galanya, yang nyata mahupun yang _____ ..
a) jelas b) tersembunyi c) terang ()

- 6) Seorang yang mencuri boleh lari dari pandangan manusia tetapi Allah _____ melihatnya.
a) tetap akan b) selalu gagal c) terhalang dari ()

- 7) Orang Islam yang sentiasa ingat yang Allah Maha Melihat, akan lebih banyak melakukan _____.
- a) kemungkaran b) kebajikan c) kerosakan ()
- 8) Manusia melihat dengan bantuan mata dan _____.
- a) teknologi b) pakar c) cahaya ()
- 9) Apa yang dikehendaki Allah pasti akan berlaku tetapi sebagai manusia kita mesti _____.
- a) berikhtiar b) berserah c) berehat ()
- 10) Sebagai orang Islam, kita mesti mengakui akan _____ kita setelah kita ketahui Allah Maha Berkehendak.
- a) kekuatan b) kekuasaan c) kelemahan ()

FIQEH

- 11) Kita mesti pastikan anggota badan, _____ dan tempat solat suci dari najis sebelum kita mendirikan solat.
- a) pakaian b) perabot c) dinding ()
- 12) Apabila pakaian kita terkena najis ringan, kita hanya perlu _____ air untuk menyucikannya.
- a) menyiram b) menuang c) merenjis ()
- 13) Islam sangat mengambil berat tentang _____ sehinggakan cara mencuci najis diajarkan.
- a) kecantikan b) kebersihan c) keanggunan ()

- 14) Tempat yang kena najis dikira bersih apabila hilang bau, _____ dan rasanya.
- a) bentuk b) warna c) bekas ()
- 15) Kita diwajibkan beristinjak dengan menggunakan air _____.
- a) mutlak b) mustakmal c) mutanajjis ()
- 16) Beristinjak dapat menjadikan kita orang yang _____.
- a) pengasih b) pemalu c) pembersih ()
- 17) Jika seseorang mendirikan solat tanpa beristinjak, solatnya _____.
- a) ditolak b) diterima c) sah ()
- 18) Sebagai orang Islam, kita disunatkan membaca _____ sebelum masuk ke tandas.
- a) selawat b) doa c) al-Quran ()
- 19) Apabila kita masuk ke tandas, kita memohon perlindungan Allah dari _____.
- a) kotoran najis b) bau busuk c) gangguan jin ()
- 20) Semasa di dalam tandas, kita dilarang _____, membaca atau menyanyi.
- a) berdehem b) bercakap c) berfikir ()

BAHAGIAN B : (10 markah)

Tandakan (✓) pada kenyataan yang betul dan tandakan (×) pada kenyataan yang salah.

TAUHID

- 1) Allah tidak mendengar bisikan hati manusia. ()
- 2) Kalau ciptaan Allah boleh melihat, tentu Allah Maha Melihat. ()
- 3) Manusia boleh menghalang kehendak Allah. ()

FIQEH

- 4) Mencuci badan yang kena najis adalah sunat. ()
- 5) Sebelum mencuci tempat yang kena najis, hendaklah dihilangkan najisnya dahulu. ()

BAHAGIAN C : (10 markah)

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

segala	Mustahil	kehendak	bersyukur	tanah
permintaan	beristinjak	mustakmal	kiri	pancaindera

TAUHID

- 1) Kalau Allah tidak mendengar, bererti Allah tuli. _____ bagi Allah tuli.
- 2) Allah mendengar doa dan _____ hamba-hambaNya.
- 3) Allah Maha Melihat dan Allah melihat tanpa _____.
- 4) Allah melihat _____ perbuatan hamba-hambaNya.
- 5) Tidak ada sesuatu yang berlaku tanpa _____ Allah.

FIQEH

- 6) Cara mencuci najis berat ialah membasuh dengan air tujuh kali dan salah satu daripadanya dengan air yang bercampur _____.
- 7) Air _____ tidak boleh digunakan untuk mencuci najis
- 8) Setelah membuang air besar, kita wajib _____.
- 9) Kita masuk tandas dengan kaki _____.
- 10) Apabila kita keluar dari tandas, kita mohon keampunan Allah dan _____ kepada Allah kerana telah melindungi kita dari gangguan syaitan dan memberi kita kesihatan.

BAHAGIAN D : (10 markah)

Padankan perkataan di bahagian A dengan perkataan di bahagian B.

A

B

TAUHID

- | | |
|----------------------|-------------------------------|
| 1) Allah mendengar | * wajib dicuci |
| 2) Penglihatan Allah | * dengan menjadi kesat semula |

FIQEH

- | | |
|--------------------------------------|--------------------------------|
| 3) Badan yang terkena najis | * bunyi yang kuat dan perlahan |
| 4) Tempat keluar najis dikira bersih | * sebelum masuk |
| 5) Doa masuk ke tandas dibaca | * meliputi apa sahaja |

☞ Semoga Berjaya ☜